

28 OCT 2003

DAP-Hudud/I

DAP SOKONG PENDIRIAN DR MAHATHIR BERHUBUNG HUKUM HUDUD PAS

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Parti DAP menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan pusat akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelaksanaan hukum Hudud kerajaan PAS Terengganu jika mendapati ia bercanggah dengan undang-undang negara.

Timbalan Pengerusi Kebangsaannya, Karpal Singh berkata Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di negara ini dan sebarang undang-undang, walaupun diluluskan oleh Parlimen, bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan itu adalah tidak sah seperti yang termaktub dalam Perkara 4(1) Perlembagaan berkenaan.

"Tindakan kerajaan Terengganuewartakan Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) 2003 semalam jelas tidak mengikut perlembagaan selain tidak kompetens dengan bidang kuasa Dewan Undangan Negeri Terengganu untuk mewartakannya pada 8 Julai tahun lepas," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan itu menjelaskan secara panjang lebar mengenai pencabulan Perlembagaan Persekutuan oleh Kerajaan PAS Terengganu dengan memperkenalkan hukum Hudud.

Karpal berkata kerajaan pusat bertanggungjawab untuk memastikan semua negeri mematuhi kompetens undang-undang masing-masing.

"Saya terkejut bahawa Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang, yang berulang kali, apabila dipilih sebagai anggota Parlimen mengangkat sumpah untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan, kini mencabul Perlembagaan itu dengan mengambil inisiatif untuk mewartakan undang-undang itu yang bercanggah dengan Perlembagaan," katanya.

Memandangkan situasi itu, Karpal berkata Kerajaan Persekutuan harus menggunakan peruntukan Perkara 130, Perlembagaan yang menyebut:

"Yang di-Pertuan Agong boleh merujuk kepada Mahkamah Persekutuan untuk mendapatkan pandangan mengenai sebarang persoalan berhubung sebarang peruntukan dalam Perlembagaan yang timbul atau mungkin muncul baginya dan Mahkamah Persekutuan harus mengumumkan pandangannya dalam mahkamah terbuka mengenai sebarang persoalan yang dirujuk kepadanya."

Dalam kes ini, Karpal berkata Kerajaan Persekutuan harus menasihatkan Yang di-Pertuan Agong supaya merujuk isu perlembagaan atau sebaliknya mengenai enakmen itu kepada Mahkamah Persekutuan untuk pendapatnya.

Beliau juga berkata pemimpin Pas di Kelantan dan Terengganu tidak harus mengingkari Perlembagaan Persekutuan.

"Sebarang helah dengan menggunakan dewan undangan negeri untuk meraih undi tidak mempamerkan kematangan politik. Ianya tidak produktif and bertentangan dengan kepentingan nasional," katanya.

-- BERNAMA

RBZ AHH DC RHM